

11 AUG 2000

Hamid-Timor Timur

MALAYSIA SEDIA BUKA PEJABAT PERWAKILAN DI TIMOR TIMUR

DILI, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedia membuka pejabat perwakilan di Timor Timur "dalam masa terdekat" bagi memudahkan urusan dan kerjasama dua hala sebelum kawasan bekas taklukan Indonesia itu mencapai kemerdekaan sepenuhnya tidak lama lagi.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata pejabat perwakilan itu akan turut berperanan bagi memastikan bantuan yang dihulurkan oleh Malaysia dapat disalurkan terus kepada pihak yang berkenaan.

"Pegawai yang dilantik nanti akan memainkan peranan bagi memastikan bantuan yang dihulurkan oleh Malaysia disalurkan dengan berkesan kepada Timor Timur," kata Syed Hamid dalam pertemuan dengan pemimpin kemerdekaan Timor Timur, Xanana Gusmao, di sini.

Syed Hamid mengetuai rombongan seramai 21 orang dari Malaysia yang mewakili pihak kerajaan dan swasta bagi lawatan dua hari ke Timor Timur.

Semasa pertemuan itu, Syed Hamid turut menyampaikan hasrat kerajaan Malaysia untuk berkerjasama dengan Timor Timur khususnya dalam bidang pelaburan dan perdagangan yang boleh diceburi di sini.

Syed Hamid juga berkata Malaysia sedia melatih rakyat Timor Timur dalam bidang seperti infrastruktur, pertanian, diplomasi, pelaburan, pertahanan, pendidikan dan kesihatan.

Gusmao pula berkata beliau terharu dan berterima kasih atas perhatian dan bantuan yang sedia dihulurkan oleh Malaysia bagi membangunkan semula Timor Timur yang mempunyai sumber gas dan minyak.

Beliau berharap Malaysia dapat menghantar bantuan pakar untuk membuat penyelidikan dalam bidang yang diperlukan seperti gas dan minyak.

Gusmao, Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor Timur (CNRT) telah melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada Februari lepas.

Dalam lawatan itu, Gusmao telah mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah menyuarakan kesediaan Malaysia untuk menghantar satu pasukan teknikal daripada pelbagai kementerian ke sana.

-- BERNAMA

ARA ES NMO